

01 DEC 1997

Mahathir-Harga

KERAJAAN KAWAL HARGA BARANGAN BAGI MENJAMIN KEADILAN UNTUK SEMUA

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mengawal kenaikan harga barangan bagi memastikan keadilan kepada golongan pekerja yang tidak menikmati pertambahan pendapatan dalam keadaan negara menghadapi masalah ekonomi sekarang.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada golongan pekerja kerana tidak menuntut kenaikan gaji selain kenaikan tahunan, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengambil tindakan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya kerana perbuatan itu akan memburukkan lagi keadaan.

"Amatlah tidak adil kalau mereka menaikkan harga barangan dan kita tidak menaikkan gaji dan upah untuk membeli barangan ini. Sebab itu kita lebih suka mengawal kenaikan harga supaya kita tidak perlu menaikkan gaji melainkan kenaikan biasa.

"Dengan cara ini kita akan menjadi lebih kompetitif dalam pasaran dunia," katanya ketika berucap pada perhimpunan pekerja Tenaga Nasional Berhad di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) di Kajang, dekat sini.

Perhimpunan yang dihadiri para pekerja Tenaga Nasional, persatuan dan kesatuan sekerja syarikat itu dari sekitar Lembah Klang diadakan bagi menunjukkan sokongan mereka kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dalam usaha menangani masalah ekonomi yang dihadapi negara pada masa ini.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak adil jika kerajaan membenarkan para peniaga menaikkan harga barangan sedangkan para pekerja yang tidak dapat menikmati pendapatan tambahan terpaksa menghadapi masalah untuk membeli barangan dengan lebih mahal.

"Sebab itu saya telah menegur bahkan mengecam mereka yang sengaja menaikkan harga barangan sedangkan pendapatan pekerja yang berpendapatan tetap tidak bertambah. Mereka menaikkan harga supaya pekerja dan lain-lain yang mendapat pendapatan yang tetap akan menghadapi masalah.

"Mereka ingin mencari untung dalam keadaan masalah yang dihadapi oleh negara kita, tetapi kita akan mengambil tindakan kerana apa yang diperbuat oleh mereka akan melemahkan kita," katanya disambut dengan tepukan gemuruh daripada para pekerja Tenaga Nasional dan penuntut UNITEN yang membawa pelbagai sepanduk bagi menyatakan sokongan kepadanya dan kerajaan.

Semalam, Dr Mahathir berkata, para peniaga yang menaikkan harga barangan dalam keadaan ekonomi negara sedang bermasalah merupakan golongan yang sama dengan orang yang sabotaj ekonomi Malaysia.

Hari ini Perdana Menteri mengajak rakyat daripada segenap lapisan masyarakat supaya mempertingkatkan disiplin hidup dalam menghadapi masalah ekonomi negara sekarang dan tidak melakukan sesuatu yang boleh memburukkan lagi keadaan.

Kepada golongan pekerja, Dr Mahathir meminta mereka supaya bekerja dengan lebih kuat bagi mempertingkatkan produktiviti manakala para pelajar pula hendaklah menguasai semua bidang ilmu agar Malaysia tidak payah bergantung kepada negara lain.

"Seboleh-bolehnya tak payahlah pergi ke luar negeri untuk belajar. Dalam negara kita ini pun ada orang yang cekap-cekap boleh ajar.

"Dengan itu kita akan menyelamatkan wang kita. Kalau kita mempunyai sikap sedemikian akan kita atasi segala masalah yang kita hadapi," katanya.

Terdahulu, para pekerja, anggota persatuan dan kesatuan sekerja Tenaga Nasional serta pelajar UNITEN membaca ikrar menyokong sepenuhnya kepimpinan Dr Mahathir dan berdiri teguh di belakangnya.

"Kami berkeyakinan penuh dengan kepemimpinan kental dan kebijaksanaan Datuk Seri, krisis ekonomi ini akan dapat dipulihkan dengan sepenuhnya dalam masa yang singkat, insya-Allah," kata wakil mereka yang membacakan lafaz ikrar pada perhimpunan itu. -- BERNAMA

AH AFY NMO